

14 SEP 2002

Singapura-Buku/I

MARUAH HALANGAN UTAMA HUBUNGAN M'SIA-S'PURA, KATA PENULIS RUANG

SINGAPURA, 14 Sept (Bernama) -- Maruah merupakan halangan utama kepada hubungan dua hala yang baik antara Malaysia dan Singapura, kata penulis ruang Karim Raslan.

Ramai warga Malaysia, terutamanya orang Melayu mempunyai rasa rendah diri apabila berdepan dengan pencapaian ekonomi dramatik Singapura dan kebanyakan rakyat Malaysia - termasuk dirinya -- sering diingatkan mengenai kebimbangan republik itu akan keselamatannya, ekoran saiznya yang kecil, katanya.

"Sedihnya, apabila dua kuasa itu bergeser, hubungan dua hala turut terjejas, Sentimen itu meletus ke peringkat keterlaluan dan terlalu emosional," kata Raslan dalam rencananya 'The Singapore Dilemma' (Dilema Singapura).

Rencana itu terkandung dalam bukunya 'Journeys Through Southeast Asia: Ceritalah 2' -- kumpulan esei -- yang dilancarkan di sini malam tadi oleh Prof Tommy Koh, Duta Bebas, Kementerian Hal Ehwal Luar. Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Datuk Hamidon Ali.

Bagi rakyat Malaysia, Karim berkata: "Singapura sering dilihat sebagai begitu kukuh dan makmur. Ia lebih teratur, diurus dengan lebih baik dan jauh lebih kaya. Bayangkan kekecewaan mereka.

"Tetapi kini ia tidak lagi begitu. Kejayaan tanpa diduga yang dicapai Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor telah mengejutkan rakyat Malaysia dan menjadikan pemilik PTP Syed Mokhtar (Al-Bukhary), wira negara," katanya.

Kebolehan Syed Mokhtar untuk bersaing secara terbuka dengan kecekapan utama Singapura --pelabuhannya -- telah mengubah corak pertempuran itu, katanya.

"Tiba-tiba, Singapura tidak lagi dilihat sebagai begitu utuh dan hebat. Sekiranya bekas peniaga beras boleh mencari jalan untuk bersaing dengan rakyat Singapura dan berjaya, yang lain juga mampu berbuat demikian.

"Rakyat Malaysia akhirnya menemui formula mengkagumkan yang menggabungkan infrastruktur murah dan lokasi strategik, dan modal antarabangsa dan kepakaran pengurusan," kata Karim.

Daripada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hinggalah aktres kelahiran Ipoh Datuk Michelle Yeoh, daripada Islam hingga ke muzik rap Indonesia, 'Journeys Through Southeast Asia: Ceritalah 2' turut memberikan penjelasan mengenai teka-teki besar iaitu Asia Tenggara.

Dilahirkan di Petaling Jaya, Selangor pada 1963, Karim merupakan seorang peguam lulusan Cambridge dan pengasas serta rakan kongsi Raslan Loong, sebuah daripada firm guaman korporat terkemuka Malaysia.

Ruangan rencana beliau "Writers Journal" diterbitkan oleh beberapa akhbar, termasuk The Business Times Singapura, The Star (Malaysia) dan Sin Chew Jit Poh (Malaysia).

Beliau juga adalah anggota Majlis Antarabangsa Persatuan Asia di New York dan forum Asia Pasifik lain serta pengulas tetap mengenai Hal Ehwal Asia dan Islam sederhana bagi media serantau dan antarabangsa. Cendekiawan Fullbright di Universiti Columbia dari November 2001 hingga Februari 2002, Karim telah menjalankan projek bertajuk: "Freedom of Expression in Islamic Societies" (Kebebasan Bersuara dalam Masyarakat Islam).

Berharga S\$12 senaskhah, Journeys Through Southeast Asia: Ceritalah 2 telah dilancarkan di Kuala Lumpur pada 5 Sept oleh Tan Sri Musa Hitam yang menyifatkannya sebagai "huraian yang memberangsangkan dan alternatif"

mengenai Malaysia dan rantau ini.

Majlis pelancaran serupa akan diadakan di Hong Kong pada 25 Sept,
Bangkok pada 18 Okt dan Jakarta pada 30 Okt.

-- BERNAMA

SS AZZ RHM